  - (iii) terma dan syarat yang terpakai kepada kaedah tertentu sebagaimana yang mungkin digunakan oleh Pelanggan untuk mengakses Perkhidmatan ini, sebagai contoh, Terma dan Syarat Maybank2U Biz.
- (f) Jika terdapat sebarang percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang dirujuk dalam Fasal 1(e)(i) - (iii) di atas, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
- (g) Pelanggan bersetuju bahawa sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan di dalam ini, Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan dan garis-garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Bank Negara Malaysia dan badan-badan lain yang berkaitan yang diperbadankan menurut undang-undang yang berkaitan.

- (h) Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa ketersediaan dan ketersediaan berterusan Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank di bawah ini, hendaklah bergantung dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis-garis panduan tersebut.

## 2. PERMOHONAN DAN PEMASANGAN SISTEM MAYBANK AUTOCREDIT (MAS)

- (a) Untuk memohon kepada Maybank Autocredit, Pelanggan dikehendaki untuk melengkapkan borang permohonan untuk Perkhidmatan tersebut ("**Borang Permohonan**") yang boleh didapati di Maybank2u.com atau di mana-mana cawangan Bank.
- (b) Bergantung kepada jenis pelanggan, di mana sesetengahnya ada disenaraikan dalam Fasal 1(a) di atas, Pelanggan hendaklah juga dikehendaki untuk menyediakan dokumentasi lain bagi menyokong permohonan tersebut (yang membenarkan permohonan tersebut dan menamakan dan memperincikan penggunaannya), yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - (i) Surat mandat yang ditandatangani oleh semua rakan kongsi (cth untuk perkongsian, profesional);
  - (ii) Satu resolusi pekeliling yang ditandatangani oleh semua pengarah Pelanggan (cth untuk syarikat sendirian berhad);
  - (iii) Minit mesyuarat bagi mesyuarat agung tahunan/jawatankuasa Pelanggan (cth untuk kelab-kelab, pertubuhan dan persatuan).
- (c) Apabila menerima salinan cetak borang dan dokumen-dokumen yang telah lengkap diisi daripada Pelanggan, Bank hendaklah menilai dan mengkaji permohonan tersebut dengan sewajarnya dan selepas itu, tanpa perlu memberi sebarang alasan atau memberi maklumat terhadapnya, sama ada menerima atau menolak permohonan Pelanggan tersebut, mengikut budi bicaranya.
- (d) Di mana Bank meluluskan suatu permohonan, Bank akan menyediakan Pelanggan tersebut dengan perisian Maybank Autocredit (juga dirujuk di sini sebagai "**Perisian Maybank Autocredit**" atau "**Perisian**") melalui kaedah dan perantaraan yang dianggap patut bagi pemasangan untuk Pelanggan pada peranti/terminal Pelanggan yang berkaitan di premis Pelanggan.
- (e) Bank, jika diminta, akan, sama ada secara sendiri atau melalui wakil yang diberi kuasa, memberikan bantuan sepertimana yang mungkin diperlukan oleh Pelanggan secara munasabah untuk melaksanakan pemasangan Perisian pada peranti/terminal Pelanggan yang berkaitan di premis Pelanggan.
- (f) Walaupun beberapa pemasangan boleh dibuat oleh mana-mana satu Pelanggan, Pelanggan tersebut mengaku janji untuk mematuhi sebarang sekatan dan had yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa berhubung dengan bilangan pemasangan yang boleh dibuat oleh setiap Pelanggan.

## 3. KATA LALUAN

- (a) Apabila berjaya dalam permohonan Maybank Autocredit, Pelanggan akan diberi suatu ID Pemula yang mana Bank akan menggunakannya untuk mengenal pasti dan mengesahkan Pelanggan tersebut.
- (b) Selanjutnya, di mana Pelanggan ingin menghantar fail pembayaran dan surat arahnya (seperti mana yang diperuntukkan selanjutnya di dalam Fasal 5 di bawah ini) melalui PDP, satu (1) ID Pentadbir Maybank Autocredit dan kata laluan sementara akan diberikan kepada Pelanggan untuk membolehkan akses awal kepada PDP. Selepas itu pentadbir Pelanggan yang ditetapkan akan diperlukan untuk (i) menukar kata laluan sementara tersebut kepada kata laluan pilihan mereka; dan (ii) mencipta ID Pengguna Maybank Autocredit dan kata laluan sementara yang selanjutnya untuk penggunaannya-penggunaannya. Para pengguna akan seterusnya menggunakan ID dan kata laluan sementara tersebut untuk mengakses PDP dan mencipta kata laluan pilihan mereka sendiri untuk akses dan penggunaan masa depan. Mana-mana akses kepada PDP akan dibuat melalui penggunaan ID Pengguna dan kata laluan tersebut.
- (c) Di mana Pelanggan ingin menghantar fail pembayaran dan surat arahnya (seperti mana yang diperuntukkan selanjutnya dalam Fasal 5 di bawah ini) melalui perkhidmatan Maybank2u Biz Bank, Pelanggan dan penggunaannya akan menggunakan ID pengguna dan kata laluan mereka seperti mana berkenaan kepada perkhidmatan Maybank2U Biz untuk mengakses dan Maybank2u Biz dan (antara lain) menghantar fail pembayaran dan surat arahan dengan sewajarnya.
- (d) Pelanggan mengaku janji untuk memastikan bahawa penggunaannya menyimpan kata laluan masing-masing (sama ada untuk akses dan penggunaan melalui PDP, Maybank2u Biz, atau sebaliknya), secara rahsia dan selamat dan

mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menghalang akses dan/atau penggunaan yang tidak dibenarkan.

- (e) Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk membatalkan ID dan/atau kata laluan Pelanggan dan penggunaannya (seperti mana berkenaan) untuk pelanggaran atau pelanggaran berpotensi mana-mana Terma dan Syarat di dalam ini, atau mana-mana undang-undang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Perkhidmatan ini dan pengguna-pengguna yang lain yang dianggap sesuai oleh Bank, dan Pelanggan tidak akan menyebabkan Bank bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh Pelanggan akibat daripada pembatalan ID dan/atau kata laluan (seperti mana berkenaan) Pelanggan dan/atau penggunaannya tersebut.
- (f) Pelanggan mengakui bahawa Pelanggan adalah bertanggungjawab terhadap kerahsiaan dan penggunaan setiap maklumat akses penggunaannya dan bahawa Pelanggan dan/atau penggunaannya tidak akan pada bila-bila masa dan di bawah apa jua keadaan, menzahirkan atau mendedahkan maklumat akses penggunaannya kepada sesiapa termasuk kakitangan Bank.
- (g) Pelanggan dan penggunaannya hendaklah mematuhi semua langkah keselamatan yang ditetapkan oleh Bank berkenaan dengan maklumat akses penggunaannya atau secara amnya berkenaan dengan penggunaan Perkhidmatan dan Perisian ini.
- (h) Sekiranya Pelanggan atau penggunaannya mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana maklumat akses penggunaannya telah disalahgunakan dan/atau dikompromi melalui penzahiran, penemuan atau walau bagaimana sekalipun, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta.

#### **4. PEMBERIAN LESEN KEPADA PERISIAN MAYBANK AUTOCREDIT**

- (a) Pelanggan akan diberikan lesen yang tidak boleh dipindahmilik dan tidak eksklusif untuk menggunakan Perisian tersebut di lokasi Pelanggan di Malaysia yang diluluskan untuk jangka masa tempoh langganan Pelanggan terhadap Perkhidmatan tersebut.
- (b) Lesen Perisian diberikan di sini hanya untuk kegunaan Pelanggan berhubung dengan Perkhidmatan ini untuk pemasangan di peranti/terminal komputer Pelanggan yang berkenaan pada lokasi yang telah diluluskan dan Pelanggan mengaku janji bahawa Pelanggan dan/atau mana-mana penggunaannya tidak boleh membenarkan mana-mana pihak lain untuk menggunakan atau mempunyai akses kepada Perkhidmatan ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- (c) Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Bank memiliki dan akan terus memiliki semua Hak Harta Intelek dalam atau berkaitan dengan Perisian tersebut dan bahan-bahannya yang berkenaan. Tiada apa-apa yang terkandung di sini boleh dianggap sebagai suatu pindahmilik, penyerahan hak atau pemindahan hak oleh Bank kepada Pelanggan terhadap pemilikan, kepentingan atau hakmilik kepada Hak Harta Intelek tersebut dalam atau yang disertakan ke atas Perisian tersebut.
- (d) Pelanggan hendaklah mengekalkan semua logo, cap dagangan, notis hak cipta dan tanda-tanda atau notis proprietari Bank bagi Perisian dan bahan-bahannya. Pelanggan tidak boleh membenarkan mana-mana penggunaannya untuk mengeluarkan, mengubah atau sebaliknya menyebabkan ketidakbolehbacaan mana-mana logo, cap dagangan, notis hak cipta atau lain-lain tanda proprietari atau kerahsiaan yang boleh diletakkan pada Sistem atau komponennya yang diberikan kepada Pelanggan di bawah ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu.
- (e) Penyalinan Perisian tersebut dan bahan-bahan yang berkaitan dengannya adalah dilarang melainkan jika ia dibuat hanya untuk penggunaan Perisian selaras dengan Terma dan Syarat ini atau sebaliknya sebagaimana yang dipersetujui secara bertulis oleh Bank. Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk mengawal Perisian dan bahan-bahan yang asal dan mana-mana salinannya dan memastikan penggunaannya adalah selaras dengan Terma dan Syarat ini. Tanpa menjejaskan perkara di atas, Pelanggan tidak boleh membuat lebih daripada dua (2) salinan tambahan sebagai sandaran tetapi dibenarkan untuk membuat salinan, sama ada diringkaskan, diterjemahkan atau sebaliknya, untuk kegunaan internal dan latihan sahaja.
- (f) Kecuali dimana dipersetujui sebaliknya, Pelanggan atau mana-mana penggunaannya tidak diberi kuasa untuk menjual, melesen, memberi lesen kecil, atau mengedar Perisian atau bahan-bahan yang berkaitan atau sebaliknya memberikan apa-apa hak di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana pihak ketiga, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Bank. Mana-mana percubaan untuk menjual, pelesenan, pelesenan kecil (sub-license), pengedaran atau pemasaran kecuali setakat mana yang sebaliknya dipersetujui, adalah batal dan tidak sah. Pelanggan tidak berhak untuk, dan tidak boleh membuat atau membenarkan orang lain untuk menjuruter balik,

membuka, mengalihkan penyusunan, mencipta balik, menambahbaik atau mengubah suai Perisian atau mana-mana bahagiannya. Kecuali sebagaimana yang dibenarkan di dalam Terma dan Syarat ini, Pelanggan tidak dibenarkan untuk membuat penambahbaikan kepada atau kerja-kerja terbitan Perisian atau mana-mana bahagian daripadanya.

## 5. FAIL PEMBAYARAN DAN ARAHAN

- (a) Pelanggan mengakui bahawa ia akan mengambil tanggungjawab sepenuhnya untuk penyediaan dan penyerahan fail pembayaran kepada Bank dan juga untuk apa-apa kesilapan atau peninggalan yang berkaitan dengan fail pembayaran tersebut dan apa-apa transaksi yang dijalankan oleh Bank berikutnya. Fail pembayaran hendaklah mengandungi segala data dan maklumat yang berkaitan seperti mana yang dikehendaki oleh Bank untuk melaksanakan pembayaran dan pemindahan daripada Akaun Pelanggan yang ditetapkan kepada akaun pekerja, vendor atau pihak ketiga lain yang berkaitan, sama ada dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan di Malaysia yang perlu dibuat di bawah Maybank Autocredit (dalam ini dirujuk sebagai "**Fail Pembayaran**").
- (b) Pelanggan bersetuju dan menerima bahawa Fail Pembayaran dan arahan yang diberikan oleh Pelanggan dan penggunaannya berkenaan dengan Akaun Pelanggan atau apa-apa transaksi lain, dengan menggunakan Perkhidmatan ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Arahan**") hendaklah pada setiap masa tertakluk kepada had dan syarat seperti mana yang mungkin ditetapkan atau ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak.
- (c) Apa-apa Arahan kepada Bank untuk pemotongan, pembatalan, pembalikan atau pindaan atau penjelasan Arahan Pelanggan yang sebelum ini, hanya dapat dilaksanakan, jika permintaan Pelanggan tersebut diterima dan dilaksanakan sebelum Arahan awal tersebut dilaksanakan.
- (d) Pelanggan mengakui bahawa mungkin ada transaksi yang tidak berjaya berhubung dengan mana-mana Fail Pembayaran tertentu untuk apa-apa sebab dan bahawa Bank akan menyediakan suatu laporan berkenaan dengan transaksi yang berjaya dan tidak berjaya kepada Pelanggan dalam keadah yang dianggapnya sesuai.
- (e) Lanjutan kepada Fasal 5(d) di atas, Bank berhak mengikut budi bicaranya, menolak untuk menjalankan apa-apa transaksi di mana Arahan Pelanggan adalah tidak selaras dengan polisi atau undang-undang Bank atau bagi apa-apa sebab lain.
- (f) Pelanggan hendaklah memastikan bahawa ia mempunyai semua hak dan kebenaran yang diperlukan untuk menyediakan semua maklumat dalam Fail Pembayaran dan bahawa data di dalamnya adalah tepat, lengkap dan terkini dan dikemukakan dengan mematuhi kehendak Bank seperti yang ditetapkan dalam Fasal 5(g) di bawah atau sebagai mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (g) Penyerahan Fail Pembayaran di bawah Perkhidmatan ini akan, berhubung dengan mod ketersediaan yang berbeza seperti yang ditetapkan dalam Fasal 1(b) di atas, adalah seperti berikut:
  - (i) untuk penggunaan Perkhidmatan ini melalui Maybank2u Biz - melalui penyerahan dalam talian Fail Pembayaran dan surat arahan (dalam format yang ditetapkan oleh Bank) oleh pengguna Pelanggan berkenaan yang diberi kuasa, yang berhubung dengan Pelanggan yang mempunyai akses pembuat dan penyemak kepada Maybank2u Biz, hendaklah melalui pengguna yang dinamakan sebagai 'penyemak' di bawah langganan Maybank2u Biz Pelanggan dengan Bank.
  - (ii) untuk penggunaan Perkhidmatan ini melalui PDP - melalui penyerahan dalam talian Fail Pembayaran dan surat arahan (dalam format yang ditetapkan oleh Bank) oleh pengguna Pelanggan berkenaan yang diberi kuasa seperti mana yang dicipta oleh pentadbir sistem.
  - (iii) untuk penggunaan Perkhidmatan ini secara manual - melalui penyerahan salinan fizikal data pembayaran dan surat arahan yang lengkap (seperti yang telah ditandatangani oleh semua penandatanganan Pelanggan berkenaan yang diberi kuasa untuk Perkhidmatan ini) oleh Pelanggan melalui peranti penyimpanan seperti pemacu denyar USB atau serupanya, kepada seorang pegawai Bank di mana-mana cawangan Bank.
- (h) Sekiranya Pelanggan memilih untuk menyerahkan Fail Pembayaran melalui cara-cara lain, contohnya e-mel dan lain-lain, Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk menanggung risiko dan liabiliti yang mungkin dikaitkan dengan cara-cara tersebut dan bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian, kerosakan, kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan Arahan tersebut.
- (i) Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa jika ia memilih penyerahan Fail Pembayaran secara manual melalui peranti penyimpanan, ia adalah bertanggungjawab untuk Fail Pembayaran tersebut sehingga ianya diserahkan kepada Bank dan pengakuan penerimaan telah diterima daripada pihak Bank.

- (j) Pelanggan hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan semua peranti penyimpanan adalah bebas daripada virus, kuda Trojan, cacing atau mana-mana program atau komponen lain yang merosakkan atau berbahaya dan dengan ini mengaku janji untuk bertanggungjawab ke atas dan untuk menanggung rugi Bank terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang mungkin timbul akibat daripada pelanggaran tanggungjawab ini.
- (k) Pelanggan mengaku janji untuk menyerahkan Fail Pembayaran pada masa yang munasabah sebelum tarikh jangkaan transaksi untuk membolehkan Bank mengkaji dan menilai Arahan tersebut dan di mana berkenaan, melaksanakan transaksi tersebut. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa transaksi yang perlu dilaksanakan berikutan penyerahan Fail Pembayaran tersebut adalah berdasarkan kepada asas giliran dan tertakluk kepada masa pemrosesan dan tarikh terakhir Bank yang berkenaan.
- (l) Jika transaksi tersebut melibatkan pembayaran atau pemindahan ke akaun-akaun bersama Bank atau bersama mana-mana bank lain, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa transaksi tersebut juga akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dan/atau kelulusan bank yang menyelenggara akaun lain tersebut. Bagi mengelakkan keraguan, Perkhidmatan tersebut hanya disediakan untuk transaksi yang melibatkan pembayaran/pemindahan kepada akaun pihak ketiga dengan bank-bank yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dan mengikut tarikh terakhir dan tempoh penyelesaian perkhidmatan pembayaran masing-masing, contohnya RENTAS, IBG, dan lain-lain.
- (m) Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan pembayaran/pemindahan kepada bank benefisiari, dimana bank benefisiari tersebut telah menanggung, menolak, tidak membenarkan atau sebaliknya tidak boleh menerima pemindahan dana tersebut. Apabila Bank mendapat tahu tentang kegagalan tersebut, Bank akan dengan serta-merta atau dengan seberapa segera yang munasabah memberitahu Pelanggan tentang kelewatan, penolakan, keengganan tersebut atau sebaliknya jika pemindahan dana tidak diterima mengikut Fasal 5(d) di atas.
- (n) Pelanggan bersetuju bahawa semua Arahan yang dikeluarkan oleh pengguna Pelanggan, yang di dalam bentuk elektronik:
  - (i) adalah dokumen bertulis, dan Pelanggan bersetuju untuk tidak mempertikai atau mencabar keesahan atau penguatkuasaan apa-apa Arahan atas alasan bahawa ia bukan satu dokumen bertulis dan Pelanggan dengan ini melepaskan apa-apa hak yang Pelanggan mungkin ada di bawah undang-undang;
  - (ii) adalah dokumen asal dan Pelanggan bersetuju untuk tidak mencabar kebolehterimaan apa-apa Arahan atas alasan bahawa ia dibuat dalam bentuk elektronik.
- (o) Pelanggan hendaklah memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa di dalam Akaun Pelanggan untuk melaksanakan mana-mana Arahan Pelanggan seperti yang dikeluarkan oleh penggunanya. Bank berhak untuk menolak mana-mana Arahan di mana tiada dana yang mencukupi di dalam Akaun tersebut dan Pelanggan mengakui bahawa hak untuk menolak di dalam ini akan terpakai bukan sahaja kepada transaksi individu tetapi juga untuk semua transaksi di dalam kumpulan yang sama, yang dibuat berikutan suatu Fail Pembayaran.
- (p) Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak untuk mendebit Akaun Pelanggan untuk melaksanakan sebarang transaksi yang diarahkan oleh Pelanggan.

## **6. KEBENARAN**

- (a) Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mematuhi semua Arahan yang diberikan oleh penggunanya melalui:
  - a. penggunaan ID dan kata laluan masing-masing bersama dengan penyerahan Fail Pembayaran (berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan ini melalui PDP atau Maybank2u Biz); dan
  - b. penyerahan Fail Pembayaran secara manual kepada Bank menurut Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

seperti Arahan yang diberi kuasa dengan betul oleh Pelanggan walaupun ia mungkin bercanggah dengan mana-mana mandat lain yang diberikan pada bila-bila masa berkenaan dengan Akaun atau urusan Pelanggan.

- (b) Pelanggan bersetuju bahawa Arahan tersebut akan mengikat Pelanggan apabila ia dihantar kepada Bank dan Arahan tersebut tidak boleh diubah atau ditarik balik tanpa kebenaran Bank dan Bank tidak diwajibkan selanjutnya untuk memeriksa kesahihan Arahan tersebut.

## **7. PENGGUNAAN PORTAL MUAT TURUN PENERIMA (PDP)**

- (a) Penggunaan PDP akan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan mana-mana terma spesifik yang lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (b) PDP boleh diakses oleh pengguna Pelanggan yang diberi kuasa melalui penggunaan ID dan kata laluan mereka yang berkenaan dan di URL seperti mana yang disediakan oleh Bank;
- (c) PDP ini bertujuan untuk disediakan tujuh (7) hari seminggu, dua puluh empat (24) jam sehari. Walaubagaimanapun Pelanggan mengakui bahawa mungkin terdapat kekejasaan sekali-sekala di mana Bank menjalankan kerja penyelenggaraan ke atas sistem dan peralatannya atau untuk apa-apa sebab, di mana Bank akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memaklumkan Pelanggan tentang ketidakfungsian tersebut melalui mod yang difikirkannya sesuai.
- (d) Kecuali sebagaimana yang dinyatakan sebaliknya dengan jelas di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat mana yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan, Pelanggan memahami bahawa walaupun Bank akan menggunakan usahanya yang terbaik untuk memastikan bahawa semua Fail Pembayaran dan Arahan yang dihantar atau diterima menggunakan PDP, adalah selamat dan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan, namun Bank tidak menjamin keselamatan sebarang maklumat yang dihantar atau diterima oleh Pelanggan menggunakan PDP.
- (e) Pelanggan mengakui bahawa semua hak milik dan hak harta intelek dalam PDP dan Perkhidmatan ini dimiliki oleh Bank atau, di mana berkenaan, sekutu-sekutunya pada setiap masa.
- (f) Selain daripada maklumat yang berkaitan dengan Akaun Pelanggan dan transaksi yang perlu dibuat melalui Perkhidmatan ini, semua kandungan yang terdapat di PDP (termasuk susunannya) adalah harta Bank atau pemilik pihak ketiga yang berkenaan dan ia dilindungi oleh hak cipta, cap dagangan, atau hak intelek dan pemilikan.
- (g) Penggunaan PDP atau Perkhidmatan ini oleh Pelanggan tidak memberikan Pelanggan suatu lesen atau hak untuk menggunakan cap dagangan, tanda perkhidmatan, hak cipta, paten atau apa-apa hak harta intelek lain sama ada dilindungi secara rasmi, dipohon untuk atau sebaliknya, bagi PDP atau Perkhidmatan tersebut tanpa kebenaran bertulis yang nyata daripada pihak Bank. Sehubungan itu, penggunaan PDP dan Perkhidmatan ini oleh Pelanggan tidak memberikan Pelanggan suatu lesen atau hak untuk menggunakan mana-mana cap dagangan pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis yang nyata daripada pihak ketiga yang mempunyai hak ke atas cap dagangan tersebut.

## **8. AKAUN DAN MAKLUMAT PELANGGAN**

- (a) Pihak Bank akan berusaha untuk memastikan maklumat berkenaan Akaun atau transaksi Pelanggan adalah tepat dan terkini seperti dilaporkan melalui Maybank Autocredit. Walaubagaimanapun, disebabkan kelewatan masa, ralat dan kelewatan dan kesilapan sistem yang sebagai dengannya, Bank tidak dapat menjamin ketepatan dan keterkinian maklumat tersebut dan Pelanggan adalah dinasihatkan untuk menyemak secara lazim sebarang pemberitahuan, penyata, notis dan rekod Arahan, komunikasi, operasi atau transaksi yang dibuat, dilaksanakan, diproses atau dijalankan melalui Perkhidmatan ini seperti mana yang disediakan oleh Bank, untuk memastikan tiada kesilapan, ketidakteraturan, perbezaan, tuntutan atau item dan transaksi yang tidak dibenarkan, secara kerap dan dari semasa ke semasa seperti yang dikehendaki di Fasal 13 di bawah.
- (b) Pihak Bank akan mengeluarkan penyata akaun kepada Pelanggan sepertimana yang telah dipersetujui di dalam terma dan syarat Akaun yang berkenaan.
- (c) Pelanggan perlu memastikan bahawa maklumat yang Pelanggan berikan kepada Bank berhubung dengan Pelanggan, Akaun Pelanggan atau penggunaan Perkhidmatan ini oleh Pelanggan adalah benar, lengkap dan terkini. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat dan butiran Pelanggan, Pelanggan hendaklah memaklumkan pihak Bank dengan segera.
- (d) Pelanggan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan Pelanggan dikehendaki menanggung rugi pihak Bank keatas segala kehilangan atau kerosakan yang mungkin timbul akibat dari kegagalan atau kelewatan Pelanggan di dalam memberi kemaskini kepada pihak Bank mengenai segala perubahan maklumat dan butir-butir Pelanggan yang berkaitan dengan Pelanggan, Akaun Pelanggan atau penggunaan Perkhidmatan ini oleh Pelanggan.

**9. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013 ("FSA"), AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 ("IFSA") DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")**

- (a) Bank serta setiap sekutu-sekutunya bersetuju untuk tidak mendedahkan kepada pihak ketiga sebarang maklumat kewangan atau maklumat berkaitan hal-ehwal atau akaun Pelanggan yang telah diberikan oleh Pelanggan atau yang pihak Bank atau sekutu-sekutunya telah memperolehi mengenai Akaun atau transaksi-transaksi dibawahnya, kecuali:
- (i) untuk memenuhi perintah atau permintaan oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia dibawah mana-mana undang-undang bertulis bagi tujuan penyiasatan dan pendakwaan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
  - (ii) diperlukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dibawah seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1976 bagi tujuan memudahkan pertukaran maklumat berkenaan perkiraan atau perjanjian percukaiaan yang berkuatkuasa dibawah seksyen 132 atau 132A Akta Cukai Pendapatan 1967;
  - (iii) berhubung dengan pelaksanaan mana-mana tugas penyeliaan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di luar Malaysia yang melaksanakan fungsi berpadanan dengan Bank Negara Malaysia di bawah FSA atau IFSA;
  - (iv) berhubung dengan penjalanan fungsi berpusat, termasuk audit, risiko, pengurusan, kewangan atau teknologi maklumat atau apa-apa fungsi berpusat lain dalam kumpulan syarikat Bank (jika berkenaan);
  - (v) berhubung dengan latihan usaha wajar (due diligence exercise) yang diluluskan oleh lembaga pengarah Bank berhubung dengan penggabungan dan pengambilalihan, usaha meningkatkan modal atau penjualan aset atau keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan;
  - (vi) bagi pelaksanaan fungsi Bank yang telah disumberluarkan;
  - (vii) diperlukan untuk menjalankan dan menyelesaikan sesuatu transaksi.
- (b) Pelanggan juga mengizinkan dan bersetuju (dan di mana berkenaan hendaklah mendapatkan persetujuan pengguna atau kakitangannya) kepada Bank menjalankan pemeriksaan kredit dan pengesahan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan dan penggunaanya dalam permohonan Pelanggan bagi atau penggunaan Perkhidmatan ini dengan mana-mana biro kredit atau perbadanan yang ditubuhkan untuk tujuan pengumpulan dan penyediaan kredit atau maklumat lain.
- (c) Selanjutnya dan tanpa menjejaskan (a) di atas, Pelanggan dengan ini bersetuju secara nyata (dan di mana berkenaan hendaklah mendapatkan persetujuan pengguna atau kakitangannya) kepada pendedahan Bank berkenaan keadaan kewangan, butiran akaun, hubungan akaun Pelanggan dan pengguna-penggunaanya dan kakitangan, dengan Bank termasuk baki kredit kepada: -
- (i) kerajaan atau pihak berkuasa di Malaysia dan di tempat lain, termasuk Bank Negara Malaysia, Biro Kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;
  - (ii) pihak-pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk vendor penyumberan luar, peguam, penama, penjaga, depository atau pendaftar sekuriti berpusat, ejen pengutip hutang) kepada Bank;
  - (iii) ejen, perunding dan penasihat professional Bank;
  - (iv) penerima serah hak Bank atau mana-mana entiti lain dalam kumpulan syarikat-syarikat Bank yang sedia ada sekarang atau pada masa akan datang, memiliki atau dimiliki oleh atau di bawah pemilikan bersama sama ada secara langsung atau tidak langsung atau mengawal, dikawal oleh atau di bawah kawalan bersama dengan Bank (selepas ini dirujuk sebagai "Kumpulan Maybank"); dan
  - (v) mana-mana orang lain atau entiti yang mana pendedahan dibenarkan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, direktif atau permintaan kerajaan.
- dan, melainkan jika dan setakat yang ditentukan sebaliknya oleh pihak berkuasa atau badan-badan kerajaan yang berkaitan, Pelanggan mengakui bahawa pendedahan tersebut adalah perlu bagi memudahkan pelaksanaan dan fungsi Bank.
- (d) Bank mungkin, tertakluk kepada pematuhan dengan kaedah atau garis panduan kawal selia yang berkaitan, menggunakan atau memakai sebarang maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan dan penggunaanya dan kakitangannya yang dikumpul, disusun, atau diperolehi oleh Bank melalui atau dengan apa jua cara dan kaedah untuk apa-apa tujuan sebagaimana ditentukan oleh Bank. Walaubagaimanapun, Bank tidak boleh berkongsi maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan, penggunaanya atau kakitangannya, kepada mana-mana syarikat lain



di dalam Kumpulan Maybank bagi tujuan penjualan silang produk dan perkhidmatan, di mana Pelanggan telah memilih keluar daripadanya secara bertulis sama ada pada masa pembukaan Akaun yang relevan atau selepas itu. Selanjutnya, Bank hanya boleh mendedahkan maklumat Pelanggan kepada pihak ketiga yang lain (di luar Kumpulan Maybank) untuk tujuan pemasaran dan promosi di mana Pelanggan telah bersetuju kepadanya secara bertulis, pada masa pembukaan Akaun yang relevan dengan Bank atau pada bila-bila masa selepas itu.

## **10. HAD LIABILITI**

- (a) Pelanggan mengakui bahawa Bank dan sekutunya tidak memberikan jaminan dalam apa jua bentuk berkenaan dengan Maybank Autocredit, Perisian dan PDP tersebut, sama ada secara nyata atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu. Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan-badan penyelia yang berkenaan) Kumpulan Maybank dan sekutunya secara nyata menafikan liabiliti berkenaan dengan sebarang kelewatan, kegagalan atau kesilapan dalam penggunaan Perkhidmatan, Perisian dan (dimana berkenaan) PDP tersebut oleh Pelanggan.
- (b) Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya dengan nyata di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan), pihak Bank tidak akan, dalam apa-apa keadaan pun bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan keuntungan, kehilangan perniagaan, kehilangan penggunaan, kehilangan nama baik, kehilangan simpanan atau mana-mana kehilangan berbangkit, khas, sampingan, tidak langsung, berbentuk teladan atau punitif lain yang dialami oleh Pelanggan disebabkan apa-apa kelewatan dalam pelaksanaan atau ketidaklaksanaan atau pelanggaran mana-mana kewajipan Bank sama ada yang timbul daripada apa-apa kecuai, pelanggaran Terma dan Syarat di dalam ini atau walau bagaimanapun jua dan / atau timbul daripada tindakan atau peninggalan pihak Bank atau mana-mana pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank.
- (c) Disebabkan sifat Perkhidmatan ini, dan kecuali sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas di dalam Terma dan Syarat ini dan setakat dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan (termasuk apa-apa garis panduan, pekeliling atau peraturan yang dikeluarkan oleh badan-badan penyelia yang berkenaan) Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan ke atas data, perisian, peralatan, akses rangkaian atau peralatan lain yang digunakan untuk mengakses Perisian dan/atau (dimana berkenaan) PDP tersebut.

## **11. YURAN DAN CAJ**

- (a) Pelanggan mengakui bahawa pihak Bank akan, tertakluk kepada pemberian dua puluh satu (21) hari notis terdahulu kepada Pelanggan, berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan atau yuran transaksi dan/atau memindanya dari semasa ke semasa berkenaan dengan penggunaan Perkhidmatan, Perisian atau akses kepada PDP oleh Pelanggan.
- (b) Tertakluk kepada terma dan syarat Akaun Pelanggan, Pelanggan mengakui bahawa pihak Bank menyimpan hak untuk mendebit Akaun Pelanggan yang berkenaan untuk apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah Fasal 11(a) dan (b) di dalam ini dan untuk sebarang caj Kerajaan, duti setem atau cukai yang perlu dibayar akibat daripada penggunaan Perkhidmatan ini dan/atau PDP.

## **12. KEGUNAAN ANTARABANGSA**

- (a) Penggunaan Perkhidmatan ini dan/atau PDP di luar Malaysia adalah tertakluk kepada peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (Foreign Exchange Administration, FEA) atau mana-mana keperluan kawalan fiskal atau pertukaran yang beroperasi di negara dimana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta; serta undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara di mana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta.
- (b) Jumlah maksimum transaksi dan tujuan mana ianya dilaksanakan mungkin ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang dan peraturan-peraturan negara di mana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta.

- (c) Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Pelanggan menggunakan Perkhidmatan ini dan/atau PDP di atas inisiatif Pelanggan sendiri dan Pelanggan bertanggungjawab bagi pematuhan Pelanggan dengan undang-undang tempatan.

### **13. UMUM**

- (a) Pelanggan dengan ini bersetuju untuk menyemak semua notifikasi, penyata (termasuk penyata-e) dan rekod Arahan, komunikasi, operasi atau transaksi Bank yang dibuat atau dilaksanakan, diproses atau diberi efek berkaitan dengan Perkhidmatan ini dari semasa ke semasa dan dengan secara kerap dan Pelanggan dengan ini mengaku janji untuk memaklumkan Bank dengan serta-merta dan tanpa sebarang kelewatan yang di dalam apa-apa kes. tidak melebihi tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan notifikasi, penyata dan rekod tersebut, mengenai sebarang kesilapan, ketidakaturan, percanggahan, tuntutan atau perkara atau transaksi yang tidak dibenarkan. Pelanggan mengakui bahawa kegagalan atau kelewatan Pelanggan untuk memaklukkannya dengan serta-merta akan dianggap sebagai perjanjian dan penerimaan muktamad Pelanggan yang segala perkara yang terkandung di dalam notifikasi, penyata dan rekod tersebut adalah benar dan tepat dari segala segi dan akan mengikat Pelanggan untuk apa jua tujuan dan menjadi keterangan muktamad mengenai transaksi dan liabiliti Pelanggan kepada pihak Bank. Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa semua rekod tersebut boleh diterima sebagai keterangan dan bahawa Pelanggan tidak akan mencabar atau mempertikaikan kebolehterimaan, kebolehpercayaan, ketepatan atau keaslian kandungan rekod tersebut sekadar atas dasar bahawa rekod tersebut telah digabungkan dan/atau dinyatakan di dalam bentuk elektronik atau dihasilkan oleh atau merupakan output sistem komputer, dan dengan ini mengeneipkan sebarang hak Pelanggan (jika ada) untuk membantah kepadanya.
- (b) Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak mutlak untuk memerlukan Pelanggan mengekalkan baki minimum pada satu-satu masa dalam Akaun Pelanggan. Kegagalan Pelanggan untuk mengekalkan baki minimum yang ditetapkan oleh pihak Bank mungkin mengikut budi bicara pihak Bank menyebabkan penalti dikenakan terhadap Pelanggan atau menyebabkan penggantungan atau penamatan Perkhidmatan ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal 14.
- (c) Mana-mana Arahan yang dihantar oleh Pelanggan selepas waktu penutupan berkenaan bagi mana-mana hari akan di poskan di dalam buku dan rekod Bank pada atau untuk hari bekerja yang berikutnya selepas tarikh Arahan.
- (d) Pelanggan tidak berhak menggunakan Perkhidmatan ini dan/atau PDP, jika wujud sebarang halangan apa jua pun berkaitan dengan Akaun Pelanggan atau akaun kakitangan atau pihak ketiga yang berkenaan sama ada dikenakan oleh pihak Bank atau oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan.

### **14. PENGGANTUNGAN ATAU PENAMATAN**

- (a) Walau apapun di dalam ini yang menyatakan sebaliknya, pihak Bank boleh pada bila-bila masa, menggantung atau menamatkan hak penggunaan Perkhidmatan ini, Perisian dan/atau PDP tersebut oleh Pelanggan, untuk perbuatan penipuan (fraud) oleh Pelanggan atau mana-mana pengguna, untuk pelanggaran atau di mana ada potensi untuk pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat di dalam ini, undang-undang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Perkhidmatan ini dan/atau PDP dan pengguna-pengguna lainnya di mana dianggap sesuai oleh pihak Bank.
- (b) Pihak Bank akan secara automatik menamatkan hak penggunaan Pelanggan terhadap Perkhidmatan ini, Perisian dan/atau PDP, sekiranya Pelanggan berhenti mengekalkan mana-mana Akaun dengan pihak Bank atau sekiranya akses Pelanggan ke Akaun tersebut dihadkan oleh pihak Bank atau mana-mana pihak lain untuk pelanggaran atau di mana ada potensi untuk pelanggaran mana-mana terma di dalam ini, atau mana-mana undang-undang dan/atau peraturan-peraturan dan/atau untuk memastikan atau mengekalkan keselamatan Perkhidmatan ini, Perisian dan/atau PDP dan pengguna-pengguna lainnya di mana dianggap sesuai oleh pihak Bank.
- (c) Sekiranya mana-mana pengguna Pelanggan tidak log masuk ke PDP untuk tempoh berterusan selama tiga (3) bulan, akses PDP pengguna tersebut akan dianggap sebagai tidak aktif dan seterusnya, sekiranya ia kekal terbiar untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir log masuk oleh pengguna tersebut, akses PDP pengguna Pelanggan tersebut akan secara automatik dinyahaktifkan.
- (d) Pelanggan boleh menamatkan langganannya kepada Perkhidmatan ini dengan memberikan surat penamatan yang dilaksanakan dengan sempurna yang memperincikan semua butiran yang berkaitan dengan aksesnya dan penggunaannya terhadap Perkhidmatan ini, Perisian dan/atau PDP berserta dengan mandat, resolusi pekeliing

atau minit mesyuarat (jika berkenaan) yang membenarkan penamatan tersebut. Langganan Pelanggan kepada Perkhidmatan ini (sama ada melalui Maybank2u Biz, PDP, atau selainnya) akan dibatalkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan semua surat dan dokumen yang dilaksanakan dengan sempurna seperti di atas oleh Bank dan Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan mana-mana arahan Pelanggan yang diterima dari mana-mana penggunaanya pada mana-mana hari yang jatuh selepas penerimaan notis penamatan Pelanggan.

- (e) Kecuali dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di atas, pihak Bank menyimpan hak untuk menamatkan langganan Pelanggan dan/atau (dimana berkenaan) akses mana-mana penggunaanya kepada Perkhidmatan ini yang disediakan oleh pihak Bank dengan memberikan notis bertulis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu.
- (f) Pelanggan mengakui bahawa penamatan tidak akan menjejaskan liabiliti atau tanggungjawab Pelanggan berkenaan dengan Arahan yang telah diberikan kepada dan/atau diproses oleh pihak Bank bagi pihak Pelanggan.

## 15. INDEMNITI

- (a) Pelanggan dengan ini bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung rugi serta melindungi pihak Bank sepenuhnya daripada dan terhadap sebarang dam semua tuntutan, kerugian, liabiliti, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang yuran guaman) yang timbul secara langsung atau secara tidak langsung atau yang mungkin timbul daripada:
  - (i) kemungkiran atau pelanggaran Pelanggan atau mana-mana penggunaanya akan Terma dan Syarat ini atau mana-mana hak pihak ketiga;
  - (ii) penggunaan Perkhidmatan ini oleh Pelanggan atau mana-mana penggunaanya atau sesiapa yang berpura sebagai mereka;
  - (iii) tindakan penipuan Pelanggan atau mana-mana penggunaanya;
  - (iv) pendedahan kata laluan mereka yang dibuat oleh Pelanggan atau mana-mana penggunaanya, kepada mana-mana orang lain atau dalam mana-mana e-mel atau di laman web lain;
  - (v) kegagalan Pelanggan atau mana-mana penggunaanya untuk mengambil langkah munasabah untuk mengekalkan kerahsiaan dan/atau keselamatan kata laluan mereka tersebut pada setiap masa; atau
  - (vi) kegagalan Pelanggan atau mana-mana penggunaanya untuk melaporkan sebarang pelanggaran, pendedahan atau kompromi kata laluan mereka tersebut secepat mana yang mungkin setelah menyedari akan pelanggaran atau kehilangannya.
  - (vii) Bank melaksanakan mandat yang diberikan oleh Pelanggan atau mana-mana penggunaanya;
  - (viii) Bank melaksanakan Arahan yang diberikan oleh Pelanggan atau mana-mana penggunaanya melalui mana-mana kata laluan mereka;
  - (ix) Bank menguatkuasakan haknya terhadap Pelanggan; atau
  - (x) Bank mematuhi mana-mana penghakiman mahkamah atau mana-mana perintah mahkamah, atau mana-mana dekri atau direktif atau arahan sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak yang dikeluarkan oleh mana-mana entiti badan tribunal atau pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah, yang timbul daripada apa-apa tindakan mahkamah atau prosiding mahkamah atau dari mana-mana prosiding lain, tindakan atau tuntutan yang selain daripada mahkamah dan yang terpakai kepada atau diarahkan kepada atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan Pelanggan tersebut.
- (b) Liabiliti dan kewajipan Pelanggan untuk menanggung rugi seperti yang dinyatakan di atas bagaimanapun tidak terpakai setakat mana ianya timbul daripada:
  - (i) kegagalan Bank untuk memberitahu Pelanggan tentang tanggungjawab Pelanggan untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan kata laluan penggunaanya, dan juga tanggungjawab Pelanggan untuk segera memaklumkan Kumpulan Maybank sekiranya berlaku pelanggaran, pendedahan atau komprominya;
  - (ii) Kegagalan Bank untuk menyediakan Pelanggan dengan cara-cara yang mencukupi untuk memberitahu Maybank mengenai apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan atau dipertikaikan;
  - (iii) kerosakan teknikal atau kekurangan terbukti di dalam sistem dan peralatan yang di bawah kawalan penuh Bank;
  - (iv) kekurangan atau pendedahan terbukti di dalam ciri-ciri keselamatan dan kawalan yang diguna pakai oleh Bank;

- (v) transaksi yang berlaku selepas pihak Bank telah dimaklumkan oleh Pelanggan tentang transaksi yang berlaku tanpa kebenaran atau pelanggaran, pendedahan atau kompromi sebarang kata laluan penggunaanya dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Kod Akses tersebut bukan disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan Pelanggan atau mana-mana penggunaanya sendiri;
- (vi) transaksi yang berlaku sejeurus sebelum Bank dimaklumkan oleh Pelanggan tentang sebarang transaksi yang tidak dibenarkan atau pelanggaran, pendedahan atau kompromi sebarang Kod Sekuriti mana-mana penggunaanya dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Kod Sekuriti tersebut bukan disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan Pelanggan atau mana-mana penggunaanya sendiri (atau perbuatan atau peninggalan orang atau entity di bawah kawalannya) dan pemberitahuan itu dibuat serta-merta dan tanpa kelewatan; dan
- (vii) transaksi yang berlaku sebelum Pelanggan atau penggunaanya menerima ID mereka yang berkenaan (Cth: Pencipta Pentadbir dan lain-lain) dan/atau kata laluan (sementara) yang berkenaan dengan transaksi tersebut; atau dimana berkenaan, ID dan/atau kata laluan yang palsu, rosak, tamat tempoh atau dibatalkan dengan syarat bahawa ianya tidak disebabkan oleh perbuatan atau peninggalan Pelanggan atau mana-mana penggunaanya sendiri atau perbuatan atau peninggalan orang atau entiti di bawah kawalannya.

## 16. NOTIS

- (a) Pelanggan dengan ini memberi kebenaran yang segala notis atau komunikasi yang berkaitan dengan Perkhidmatan ini atau yang dikehendaki dibawah Terma dan Syarat di dalam ini atau mungkin diberikan oleh pihak Bank, diberi di dalam salah satu cara-cara yang berikut:
  - (i) Melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan dalam rekod Bank dan notis tersebut akan dianggap telah diterima dua (2) hari selepas dipos.
  - (ii) Melalui mel elektronik kepada alamat e-mel Pelanggan atau penggunaanya yang terakhir diketahui dalam rekod Bank dan notis tersebut akan dianggap telah diterima dua puluh empat (24) jam selepas penghantaran.
  - (iii) Dengan dipaparkan pada premis Bank dan notis tersebut hendaklah dianggap berkuat kuasa apabila ia dipaparkan.
  - (iv) Dengan cara pengiklanan dibuat sekali dalam mana-mana akhbar nasional dan notis itu hendaklah dianggap berkuat kuasa pada tarikh penerbitan iklan dalam mana-mana akhbar tersebut.
  - (v) Dengan memasukkan notis dalam penyata Akaun Bank kepada Pelanggan dan notis tersebut akan dianggap berkuat kuasa dua (2) hari selepas tarikh pengeposan notis yang terkandung dalam penyata Akaun kepada Pelanggan.
  - (vi) Penyiaran mesej di laman web Maybank2u.com.
  - (vii) Dengan notifikasi kepada Pelanggan dalam apa-apa cara lain yang Bank anggap sesuai.
- (b) Semua notis kepada pihak Bank berkenaan dengan Perkhidmatan ini dan semua Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah bertulis, ditandatangani oleh Pelanggan dan dihantar kepada Bank kepada cawangan asal yang berkenaan kepada Pelanggan atau di alamat yang tertera seperti berikut atau dalam apa-apa cara lain sepertimana yang pihak Bank mungkin maklumkan kepada Pelanggan dari semasa ke semasa:

### **Malayan Banking Berhad**

Maybank Group Customer Care  
 Lot 12 Jalan Astaka U8/84  
 Seksyen U8, Bukit Jelutong  
 40150 Shah Alam  
 Selangor Darul Ehsan

No. Telefon: 1300-88-6688

No. Telefon Luar Negara: +603-78443696

No. Faks: 1300-88-8899

Alamat e-mel: [mgcc@maybank.com.my](mailto:mgcc@maybank.com.my)

## **17. FORCE MAJEURE**

- (a) Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau kepada mana-mana pihak ketiga untuk apa-apa kesulitan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, kerosakan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau nama baik jika pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa kewajipan di bawah ini atau menyediakan apa-apa perkhidmatan akibat Force Majeure.

## **18. SEVERABILITY AND WAIVER**

- (a) Jika mana-mana Terma dan Syarat didapati menyalahi undang-undang atau dilarang, ianya akan tidak mempunyai efek hanya untuk bahagian-bahagian yang menyalahi undang-undang atau dilarang tersebut. Terma dan Syarat lain tidak akan terjejas.
- (b) Sebarang penepian atau kelonggaran yang diberikan tidak akan menghalang pihak Bank daripada menguatkuasakan bahagian-bahagian yang lain di dalam Terma dan Syarat ini yang tidak terjejas oleh penepian atau kelonggaran tersebut, atau hak-hak lain; atau memerlukan pihak Bank untuk memberikan kelonggaran selanjutnya. Hak dan remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak dikecualikan oleh Terma dan Syarat ini.

## **19. VARIASI**

- (a) Pelanggan mengakui bahawa, (antara lain), untuk memastikan penyediaan Perkhidmatan ini dan/atau PDP yang lancar dan efisien dan/atau untuk meningkatkan Perkhidmatan ini, pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk membuat pindaan dan pengubahsuaian yang difikirkannya perlu kepada:
  - (i) prosedur dan proses berkaitan dengan Perkhidmatan ini (iaitu prosedur untuk permohonan kepada Perkhidmatan ini); dan
  - (ii) nama-nama dagang atau perkhidmatan yang digunakan berhubung dengan Perkhidmatan ini sebagaimana yang dirujuk di dalam Terma dan Syarat ini. Walau apa pun yang dinyatakan di sini, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa sementara menunggu perubahan tersebut dilakukan kepada Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat tersebut akan terus terpakai kepada Perkhidmatan ini, di mana prosedur dan proses yang dipinda atau diubahsuai dan/atau mana-mana nama dagang atau nama perkhidmatan baru akan disifatkan sebagai menggantikan prosedur dan proses dan/atau nama dagang atau perkhidmatan yang sebelumnya.

## **20. PERTIKAIAN DAN PERTANYAAN**

- (a) Jika Pelanggan mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan, sila rujukkannya kepada cawangan asal yang berkenaan kepada Pelanggan atau hubungi Bank melalui butiran perhubungan seperti mana yang dinyatakan dalam Fasal 16 (b) di atas. Di samping itu, Pelanggan dinasihatkan untuk menyemak Polisi Privasi, Penyata Keselamatan serta Piagam Pelanggan kami, di laman web ini.
- (b) Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang aduan dan/atau pertikaian yang timbul daripada Perkhidmatan dan Terma dan Syarat ini, sila rujukkannya kepada pihak Bank di alamat yang dinyatakan dalam Fasal 19 (b) di atas.
- (c) Pelanggan harus menyatakan jenis pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian Pelanggan dan segala butiran atau maklumat lain sebagaimana yang diperlukan oleh pihak Bank dan aduan dan/atau pertikaian tersebut akan disiasat, dikendalikan dan/atau diselesaikan mengikut prosedur Bank berkenaan dengan penyelesaian aduan dan pertikaian.
- (d) Pelanggan berakujanji bahawa apa-apa aduan dan/atau pertikaian yang dibuat oleh Pelanggan adalah benar dan sah dan Pelanggan mengakui bahawa Pelanggan akan bertanggungjawab kepada pihak Bank berhubung dengan aduan atau tuntutan palsu atau penipuan.

## **21. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA**

- (a) Terma dan Syarat ini akan dikawal selia oleh Undang-undang Malaysia dan Pelanggan dengan ini mempersetujui dan mengakui kepada bidang kuasa dan tempat mahkamah di Malaysia eksklusif bagi semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan ini dan/atau PDP. Di atas adalah terpakai tanpa mengira lokasi penggunaan dan akses Pelanggan dan/atau mana-mana penggunaannya.